

SUSUNAN IV
Pengukuran tanah untuk perlombongan

1. Susunan ini memperuntukkan fi pengukuran tanah untuk perlombongan yang akan dijalankan ke suatu piawaian yang mencukupi untuk pengeluaran Pajakan Melombong. Susunan ini juga akan diguna pakai bagi pengukuran tanah untuk kuari dan maksud lain yang serupa.
2. Fi pengukuran yang dikenakan caj di bawah Susunan ini untuk setiap kerja hendaklah mengandungi caj yang berikut:
 - (a) caj asas bagi setiap kerja – RM1,000.00;
 - (b) caj bagi penyediaan pelan prahitungan ialah RM20.00 bagi setiap lot, tertakluk kepada caj minimum sebanyak RM350.00 bagi setiap kerja;
 - (c) kadar yang terpakai untuk pengukuran bagi Pajakan Melombong adalah seperti yang berikut:

<i>Saiz lot</i>	<i>Kadar bagi setiap lot</i> (RM)
(i) 4 hektar pertama	4,300.00
(ii) 6 hektar pertama	4,900.00
(iii) 8 hektar pertama	5,500.00
(iv) 10 hektar pertama	6,100.00
(v) 12 hektar pertama	6,650.00
(vi) 14 hektar pertama	7,200.00
(vii) 16 hektar pertama	7,750.00
(viii) 18 hektar pertama	8,300.00
(ix) 20 hektar pertama	8,900.00
(x) 25 hektar pertama	9,500.00

- | | | |
|--------|--|-----------|
| (xi) | 30 hektar pertama | 10,050.00 |
| (xii) | 35 hektar pertama | 10,550.00 |
| (xiii) | 40 hektar pertama | 11,000.00 |
| (xiv) | 45 hektar pertama | 11,500.00 |
| (xv) | 50 hektar pertama | 12,000.00 |
| | (xiv) Bagi setiap tambahan 1 hektar atau sebahagian daripadanya yang melebihi 50 hektar pertama | 150.00 |
| (d) | bagi mana-mana keluasan yang terletak di antara mana-mana dua keluasan yang tersenarai di (c) di atas, kadar cajnya hendaklah dikira mengikut perkadarann; | |
| (e) | caj pengukuran garisan untuk azimut, sambungan dan kawalan-kawalan - RM2.00 bagi setiap meter; | |
| (f) | sekiranya Sijil Melombong diperlukan, fi untuk lukisan dan bekalan salinan pelan kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan untuk dikepulkan dengan borang Sijil Melombong ialah RM500.00 bagi setiap pelan Sijil Melombong; | |
| (g) | sekiranya tanah diluluskan untuk diukur melebihi satu lot yang dipisahkan secara fizikal di atas tanah oleh tanah beri milik, tanah rizab atau Tanah Negeri, fi pengukuran untuk lot itu hendaklah dikira bagi setiap lot; | |
| (h) | caj bagi pengukuran untuk peletakan semula tanda sempadan lama yang hilang atau beralih kedudukan ialah RM170.00 bagi setiap tanda yang ditanam pastian atau diganti; | |
| (i) | jika data pengukuran diperlukan untuk dikemukakan dalam format digital, suatu caj tambahan sebanyak 20% daripada caj di bawah perenggan (b), (c), (e) dan (h) di atas adalah terpakai; | |
| (j) | dalam kawasan keselamatan— | |
| | (i) jika pas keselamatan atau permit perlu diperoleh daripada pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 25% daripada caj di bawah perenggan (a), (c), (e) dan (h) di | |

atas adalah terpakai; atau

- (ii) jika pengiring bersenjata diperlukan dan waktu bekerja telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, suatu caj tambahan sebanyak 50% daripada caj di bawah perenggan (a), (c), (e) dan (h) di atas adalah terpakai; dan
- (iii) jika terdapat waktu menunggu selepas mobilisasi, suatu caj tambahan sebanyak RM 870.00 bagi setiap hari pasukan adalah terpakai.

- (k) caj di bawah perenggan (a), (c), (e) dan (h) di atas adalah terpakai apabila tapak kerja ukur ialah dalam jarak 1 kilometer dari jalan kendaraan bermotor terdekat. Bagi jarak melebihi satu kilometer pertama, caj tambahan dikenakan seperti yang berikut:

<i>Jarak ke tapak kerja dari jalan kendaraan bermotor</i>	<i>Caj</i>
0 kilometer hingga 1 kilometer	tiada caj tambahan
Melebihi 1 kilometer tetapi tidak melebihi 5 kilometer	tambahan 20% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (e) dan (h)
Melebihi 5 kilometer tetapi tidak melebihi 10 kilometer	tambahan 40% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (e) dan (h)
Melebihi 10 kilometer	tambahan 70% kepada caj di bawah perenggan (a), (c), (e) dan (h)

- (l) Fi perundingan profesional dan fi mesyuarat, bayaran balik dan caj bagi bekalan transparensi dan cetakan tambahan, jika terpakai, adalah seperti yang diberikan masing-masing di bawah Susunan XII, Susunan XIII dan Susunan XIV.